

08 MAY 2000
MAHATHIR-WAJA/I
DR MAHATHIR LANCAR "PROTON WAJA"

SHAH ALAM, 8 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan kereta rekabentuk Malaysia pertama, Proton Waja, dalam upacara gilang gemilang di Stadium Malawati di sini.

Dr Mahathir turut melancarkan logo baru Proton.

Kereta sedan itu akan berada di jalanraya dari Disember dan jualanannya dianggarkan 40,000 hingga 50,000 unit setahun.

Turut hadir di upacara pelancaran itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, menteri-menteri kabinet, Pengerusi Perusahaan Otomobil Nasional Bhd Tan Sri Mohd Saleh Sulong dan Ketua Pegawai Eksekutif Tengku Datuk Paduka Mahaleel Tengku Ariff.

Sebagai sebahagian daripada upacara pelancaran, Pengerusi Perusahaan Otomobil Nasional Bhd Tan Sri Mohd Saleh Sulong menyerahkan kunci Proton Waja pertama kepada Dr Mahathir untuk diserahkan kepada Pusat Sains Negara.

Pengarah pusat itu, Dr Sharifah Barlian Aidid, menerima kunci berkenaan daripada Perdana Menteri bagi pihak pusat itu. -- BERNAMA

AD MR LPS JR